

## RETORIK DALAM PENGUCAPAN STRATEGI LAUTAN BIRU

<sup>1</sup>Zamimah Osman, <sup>2</sup>Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail & <sup>2</sup>Nuraini Yusoff

<sup>1</sup>UUM Press

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden

*Corresponding author: zamimah@uum.edu.my*

### Abstrak

Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan oleh Kim dan Mauborgne (2005) menekankan pentingnya organisasi mencari potensi dan ruang baharu yang belum lagi diterokai oleh organisasi lain untuk memastikan organisasi tersebut berkembang maju selain bebas daripada persaingan yang sengit. Strategi ini turut diketengahkan oleh pemimpin di Malaysia, khusus Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai salah satu usaha untuk memacu negara ke pesada dunia. Memandangkan konsep Strategi Lautan Biru ini merupakan konsep yang agak baharu, rakyat di negara ini, khususnya penjawat awam perlu diberi pendedahan yang mendalam serta terperinci untuk membolehkan strategi ini dilaksanakan dengan berkesan. Pemimpin negara menggunakan ucapan awam yang sarat dengan retorik tertentu sebagai salah satu wadah untuk memperkenalkan Strategi Lautan Biru kepada rakyat. Makalah ini membincangkan strategi retorik wacana penulisan teks ucapan Dato' Seri Najib Tun Razak dan dua orang menteri kabinet terpilih dengan menggunakan pendekatan analisis wacana yang berlandaskan prinsip utama jenis retorik penulisan Warren dan Brooks (1979). Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak didapati menggunakan tiga jenis retorik, iaitu jenis persuasif, jenis eksposisi dan jenis deskriptif dalam teks ucapan Strategi Lautan Biru beliau. Manakala, dua orang menteri kabinet terpilih pula cenderung menggunakan retorik jenis eksposisi dan jenis persuasif. Analisis memperlihatkan bahawa retorik jenis argumentatif dan jenis naratif tidak digunakan dalam penulisan teks ucapan yang dikaji. Retorik jenis persuasif, eksposisi dan deskriptif sesuai digunakan dalam wacana penulisan teks ucapan yang menekankan kepada penyampaian mesej atau idea untuk membina pengertian dan semangat saling memperoleh kerjasama melalui bahasa. Penggunaan ketiga-tiga jenis retorik ini oleh ketiga-tiga pemimpin yang dikaji dalam teks ucapan Strategi Lautan Biru mereka bukan sahaja meningkatkan wibawa retorik ketiga-tiga perucap ini malahan turut membantu memberi kesedaran dan kefahaman kepada khalayak tentang kepentingan pelaksanaan strategi ini.

***Kata kunci:*** Retorik penulisan, jenis retorik, persuasif, eksposisi, deskriptif.

## RHETORIC IN THE SPEECH OF OCEAN BLUE STRATEGY

### *Abstract*

*The Blue Ocean Strategy introduced by Kim and Mauborgne (2005) laid emphasis on how important it is for an organization to tap possible potentials and new unexplored market space to ensure that the organization could thrive and yet be free from intense competitions. This strategy is also mobilized by Malaysian leaders, namely, Dato' Seri Najib Tun Razak as an effort to ensure the country's global success. Since the Blue Ocean Strategy is quite recent, the masses, particularly, public servants, need to be given an in-depth, detailed exposure to ensure effective implementation of this strategy. The country's leaders have employed speeches that are equipped with specific rhetorical strategies as a form to introduce the strategy to the people. This article discuss the rhetorical strategies employed in the written speech discourse of Dato' Seri Najib Tun Razak and two selected cabinet ministers. Warren and Brooks' (1979) core principles of written rhetorics are applied to analyse the strategies used through a discourse analysis approach. Dato' Seri Najib Tun Razak employed three types of rhetorics, in particular, persuasive, exposition and descriptive in his Blue Ocean Strategy speech. The two selected cabinet ministers were prone to use two types of rhetorics; exposition and persuasive. The analysis indicates that both argumentative and narrative types of rhetorics were not used in the written speech texts studied. Persuasive, exposition and descriptive types of rhetorics are suitable in written speech texts that stress on communication messages or ideas that help the speaker develops understanding and fosters mutual understanding and cooperation through the use of language. The use of the three types of rhetorics by the three leaders studied in the Blue Ocean Strategy speech texts not only enhances these speakers' rhetorical power but also provides awareness and offers understanding to the audience on the importance of implementing this strategy.*

*Keywords: Rhetoric writing, types of rhetoric, persuasion, exposition, descriptive.*

### **1.0 PENGENALAN**

Kebolehan untuk menggagaskan wawasan yang tinggi serta menambat perhatian khalayak sering dilihat sebagai satu *sine qua non* seseorang pemimpin yang berkaliber. Bukan itu sahaja, pemimpin yang berkaliber juga lazimnya berkarisma dan mempunyai kehebatan yang tersendiri. Karisma dilihat sebagai satu kebolehan yang mengagumkan (Etzioni, 1961), satu sifat peribadi yang tertentu (Weber, 1947) dan aura yang hebat (Willner, 1984) yang dimiliki oleh sesetengah pemimpin. Pemimpin yang berkarisma dikatakan boleh membangkitkan semangat dan keinginan pengikut untuk melakukan perkara yang terbaik dan “perform above and beyond the call of duty” (House, Spangler, & Woycke, 1991, hal.364). Kebijaksanaan pemimpin yang terakam menerusi

susun kata boleh mempengaruhi perasaan pendengar dan memikat khalayak pendengar. Pengaruh kata-kata ada tergambar dalam pepatah Melayu yang menyebut bahawa lidah (yakni kata-kata) lebih tajam daripada pedang. Hal ini boleh dilihat menerusi ujaran dan kuasa kata-kata seseorang pemimpin. Pemimpin yang berkarisma biasanya mempunyai seni pengucapan atau retorik kepimpinan yang menarik.

Meskipun dunia hari ini lebih banyak dikuasai oleh politik maya menerusi jaringan media sosial seperti YouTube, Facebook, dan Twitter serta pelbagai wahana media sosial yang lain, namun kuasa dan kaliber seseorang pemimpin masih banyak bergantung kepada retorik pemimpin tersebut. Pemimpin sering diundang untuk berucap dan menulis sama ada secara rasmi mahupun tidak rasmi untuk menyampaikan visi organisasi kepada kakitangan dan masyarakat bawahan. Melalui ucapan tersebut, pemimpin bukan sahaja mengetengahkan visinya tetapi beliau sebenarnya terlibat dengan satu bentuk rundingan retorik dengan khalayak pendengar apabila beliau menzahirkan kata-kata serta frasa selain membina kosa persuratan untuk menyampaikan visi dengan lebih baik dan lebih meyakinkan (Cuno, 2005). Sekiranya strategi retorik gagal meyakinkan pendengar atau tidak berjaya dengan sepenuhnya, pemimpin berkenaan akan berusaha untuk mengubah atau meminda kata-kata. Melalui interaksi lisan sebegini, pemimpin mengetengahkan gaya dan intipati kepimpinan beliau dan memberikan bentuk dan “nyawa” atau “jiwa” kepada visi organisasi. Kemahiran pengucapan yang hebat (*oratorical skills*) (Applebome, 2008) seseorang pemimpin membolehkan beliau membentuk makna wacana, menyinggung emosi dan meraih pengaruh khalayak selain memastikan yang mesej pemimpin tersebut sentiasa diingati dan dipersetujui oleh khalayak pendengar (Conger, 1991; Pondy, 1983). Ramai sarjana bersependapat bahawa kejayaan para pemimpin diukur lebih kepada kebolehan seseorang pemimpin tersebut berucap (Den Hartog & Verburg, 1997; Emrich, Brower, Feldman, & Garland, 2001; Misangyi, Johnson, LaPine, 2008; Shamir, Arthur, & House, 1994; Teten, 2003) berbanding kebolehan yang lain. Malahan, sejarah dunia memperlihatkan bahawa kejayaan seorang pemimpin, khususnya ahli politik mempengaruhi media massa amat berkait rapat dengan keupayaan beliau untuk memanfaatkan teknik retorik semasa berucap (Lee, 2001).

## **2.0 ULASAN KARYA**

### **2.1 Retorik: Selayang Pandang**

Retorik penting bukan sahaja kerana ia merupakan kunci utama kepimpinan tetapi retorik juga berkait rapat dengan konteks kepimpinan (Bitzer, 1968) dan boleh memperlihatkan cara pengurusan kaki tangan (Abrahamson, 1997), cara organisasi bertindak balas dengan pemegang taruh (Campbell, Follender, & Shane, 1998) dan cara organisasi memastikan bahawa identiti organisasi membantu organisasi mencapai objektif strategik mereka dan memperoleh kelebihan berbanding lawan mereka (Sillince, 2006). Dalam bidang pengurusan, retorik seseorang pemimpin dilihat sebagai satu mekanisme kawalan dan manipulasi yang membantu ketua atau pengurus mengawal pekerja. Retorik dilihat sebagai satu sumber yang boleh membina citra sesuatu kelompok dan organisasi dan merupakan satu himpunan teknik dan pendekatan yang boleh digunakan oleh para majikan untuk memujuk pemegang taruh bagi mencapai matlamat pengurusan dengan lebih pragmatik.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan retorik? Para sarjana telah menjana pelbagai takrif retorik berdasarkan pandangan Aristotle (2013) tentang konsep ini. Cooper (1960), misalnya menggambarkan retorik sebagai satu kuasa atau kebolehan untuk memujuk khalayak pendengar. Asante (1969) menganggap retorik sebagai satu bentuk penyampaian idea, nilai, pandangan dan kepercayaan dalam usaha untuk mendapatkan persetujuan atau penerimaan pihak lain. Pandangan Hauser (1986) tentang retorik pula lebih bersifat semasa apabila beliau mentakrif retorik sebagai satu bentuk pengurusan simbol yang berupaya membantu seseorang menyelaraskan tindakan sosial. Retorik juga turut dilihat sebagai satu seni memujukan (*art of persuasion*) (Heracleous, 2006). Secara asasnya, setiap tindakan yang bermatlamat untuk mempengaruhi khalayak pendengar merupakan satu bentuk retorik. Setiap orang sebenarnya, tanpa disedari, mengupayakan strategi retorik dengan cara masing-masing semasa bertutur.

Retorik merupakan bidang ilmu yang luas yang merangkumi segala tindakan dan usaha yang progresif dan efektif untuk memastikan proses komunikasi yang berkesan berlaku sama ada dalam bentuk lisan mahupun penulisan (Zoriati, 2005). Sebagai satu seni pengucapan yang memerlukan perucap menyampaikan ucapan dengan lancar, jelas, singkat, padat serta mengesankan, retorik turut menyentuh hal yang berkaitan dengan cara seseorang menyuarakan pandangan, idea, juga saranan, atau cara penutur menghuraikan sesuatu wacana dalam sesuatu bentuk penulisan atau pengucapan dengan nyata dan berkesan (Enos & Brown, 1993). Bukan

sahaja ucapan, penulisan juga boleh menjadi hambar dan tidak berkualiti tanpa adanya retorik (McCroskey, 2006).

Sudah banyak perbincangan yang menghujahkan perkaitan antara perucap dengan kemahiran retorik, namun tidak banyak yang melihat penggunaan jenis retorik serta strategi retorik dalam bidang pengurusan, khususnya dalam teks yang berimpak tinggi yang mengupas Strategi Lautan Biru seperti yang disampaikan oleh para pemimpin politik negara. Oleh yang demikian, menarik untuk diteliti cara Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dan Menteri Kabinet terpilih mengupayakan retorik dalam teks ucapan Strategi Lautan Biru mereka. Apakah bentuk retorik yang digunakan dan bagaimanakah wibawa retorik para pemimpin ini terpancar dalam teks ucapan mereka? Adakah kekuatan retorik ini turut tergambar dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak? Lebih tepat lagi, bagaimanakah Dato' Seri Najib Tun Razak mewedahkan Strategi Lautan Biru dalam teks ucapannya? Persoalan-persoalan ini akan cuba dikupas dalam makalah ini dengan berlatarkan pegangan linguistik.

## **2.2 Strategi Lautan Biru: Satu Konsep**

Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) merupakan inisiatif yang dipelopori oleh dua orang profesor dari Harvard Business School, iaitu Profesor W. Chan Kim dan Profesor Renée Mauborgne. Nama kedua-dua orang sarjana ini tersenarai dalam *The Thinkers 50*, iaitu senarai yang memuatkan nama pemikir dalam bidang perniagaan yang paling berpengaruh di dunia. Kedua-dua orang penyelidik dan pemikir ini meneliti kejayaan dan kegagalan sejumlah 30 industri, termasuklah industri perhotelan, perfileman, penerbangan, tenaga, komputer, penyiaran, besi, dan jualan runcit di seluruh dunia. Dalam penelitian mereka, mereka mengenal pasti lebih daripada 150 tindakan strategik yang diambil oleh pelbagai syarikat dari tahun 1880 hingga 2000. Kim dan Mauborgne (2005) turut mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menghasilkan strategi lautan biru dalam syarikat yang berjaya dan membandingkan Strategi Lautan Biru dengan strategi yang dilaksanakan oleh industri yang 'nyawa-nyawa ikan' atau yang telah hanyut dalam lautan merah. Prinsip-prinsip yang termuat dalam kajian mereka dibukukan pada tahun 2005 dengan judul *Blue Ocean Strategy: How to Create Uncontested Market Space and Make the Competition Irrelevant*. Semenjak buku ini diterbitkan, rata-rata organisasi menggunakan

garis panduan yang disarankan oleh Kim dan Mauborgne. Malahan, strategi ini turut menjadi amalan kerajaan Malaysia pada hari ini.

Strategi Lautan Biru merupakan satu gagasan yang diperkenalkan dengan matlamat untuk meningkatkan pencapaian penjawat awam menerusi penerapan empat elemen dalam tadbir urus, iaitu “mengurang”, “menghapus”, “mewujud” dan “menambah peluang”. Pencapaian dan keberhasilan sektor pentadbiran awam akan dapat dilonjakkan sekiranya keempat-empat elemen ini digemblengkan dan digerakkan dengan baik. Persaingan yang sengit di pasaran antarabangsa dan pasaran tempatan menyebabkan kebanyakan organisasi saling berlumba-lumba untuk mengejar kejayaan. Idea untuk bersaing bukanlah satu idea yang baru lantaran konsep ini sudah wujud lebih daripada satu abad yang lalu. Sudah menjadi fitrah manusia (juga menerusi organisasi) untuk sering berlawan antara satu sama lain menerusi daya saing yang sihat. Konsep Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan dilihat bertepatan dan bersesuaian dengan keinginan manusia untuk saling bersaing, melonjak ke hadapan dan meraih penerimaan daripada masyarakat di sekeliling. Namun begitu, konsep ini yang berusia kurang daripada 15 tahun sudah tentunya memerlukan perancangan yang betul dan masa yang agak lama sebelum ia boleh menjadi mantap untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh kebanyakan organisasi.

Strategi Lautan Biru merupakan satu cara yang dapat membantu syarikat atau organisasi menjadi lebih berjaya tanpa perlu bersaing sengit dengan organisasi lain. Persaingan sengit dengan syarikat lain dikenali sebagai persekitaran lautan merah iaitu persekitaran yang negatif apabila organisasi saling berlawan untuk mendapat tempat di pasaran setempat atau pasaran dunia. Strategi Lautan Biru mengetengahkan persekitaran yang bebas daripada persaingan yang “berdarah” dan menekankan penjanaan “lautan biru” secara sistematik yang membolehkan organisasi membangun atau berkembang dalam pasaran yang tidak ada persaingan. Strategi Lautan Biru menekankan perbezaan dan bentuk perniagaan yang berkos rendah dengan organisasi didorong untuk mewujudkan pasaran yang baharu iaitu “lautan biru.” Imej Lautan Biru yang luas menggambarkan keberangkalian, kemungkinan serta potensi yang mungkin boleh digali oleh sesebuah organisasi. Kemungkinan dan potensi ini perlu diteroka dan diuruskan secara kreatif dan inovatif. Konsep inovasi nilai (*value innovation*) merupakan tindakan strategik yang digunakan untuk mencipta lautan biru, iaitu melalui usaha serentak mencari perbezaan (*simultaneous pursuit of differentiation*) dan kos rendah, di samping peningkatan nilai yang

tinggi diberikan kepada pelanggan. Dalam karya Kim dan Mauborgne (2005), mereka memberikan contoh syarikat Nintendo yang mencari jalan yang berbeza dalam mencipta permainan (games) yang daripada pesaing syarikat ini, iaitu permainan Playstation oleh syarikat Sony dan Xbox oleh syarikat Microsoft yang jelas menghuni lautan merah. Syarikat Nintendo telah menghasilkan konsep permainan video yang sangat berbeza, yakni sistem permainan Nintendo Wii. Permainan Nintendo Wii bukan sahaja memuatkan sensor pergerakan dengan kawalan secara intuitif, malahan permainan ini jauh lebih inovatif daripada permainan yang dihasilkan oleh pihak lawan. Penghasilan permainan baru ini menguntungkan kerana ia mengurangkan kos dengan berlakunya pengurangan unsur grafik yang berkos tinggi serta kuasa CPU yang sangat tinggi. Ini membolehkan syarikat Nintendo menjual Wii pada harga yang menarik khalayak umum.

Strategi Lautan Biru ini sekiranya dapat direalisasikan di Malaysia sudah tentunya dapat membantu negara meningkatkan pasaran ekonomi dan memacukan lagi pembangunan di Malaysia. Konsep Lautan Biru ini menuntut kefahaman yang jelas serta mendalam daripada penjawat awam dan rakyat untuk memastikan ia dapat diterapkan dan dilaksanakan dengan berkesan di negara. Satu daripada cara untuk membina kefahaman berkenaan strategi ini ialah menerusi wacana pengucapan umum. Oleh itu, dalam penyediaan teks ucapan berhubung Strategi Lautan Biru ini, unsur retorik yang menekankan kepada penyampaian mesej serta idea yang dapat merancah pengertian dan mendorong semangat saling memperoleh kerjasama melalui bahasa yang berkesan perlu dititikberatkan. Jika hal ini tidak dilakukan, mesej tersebut tidak mungkin dapat disampaikan dengan efektif seperti yang dihasratkan.

Oleh kerana Malaysia juga senada untuk menerapkan Strategi Lautan Biru dalam urusan pentadbiran dan pengurusan negara, penting untuk ditekuni cara Dato' Seri Najib dan pembesar di negara ini menggunakan retorik dalam ucapan mereka yang berhubung strategi yang diusahakan oleh Profesor Kim dan Mauborgne. Untuk itu, makalah ini akan menghuraikan jenis retorik wacana penulisan teks ucapan Strategi Lautan Biru yang diupayakan oleh pemimpin negara dengan melihat kepada keseluruhan aras penulisan wacana tersebut bermula dari aras kata sehingga aras wacana. Penelitian secara menyeluruh ini teks ucapan dilakukan kerana semasa berbahasa, manusia bukan sekadar menghasilkan ayat secara terpisah, tetapi mereka turut menghasilkan satu bentuk lakuan bahasa yang dinamakan wacana (Zaharani, 2008).

### 2.3 Retorik dalam Wacana Pengucapan Umum

Penyelidikan berkenaan retorik dalam wacana pengucapan umum telah banyak dijalankan di dalam dan di luar negara. Kebanyakan penyelidikan menelusuri retorik dalam wacana penulisan teks ucapan yang disampaikan oleh tokoh tertentu. Antara kajian yang telah dilakukan untuk meneliti teks ucapan tokoh yang terkenal, termasuklah kajian yang meneliti teks ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed (Abdulrahman, 2010; Abdul Muati, 2003), teks ucapan Tunku Abdul Rahman Putera (Zulkifli, 1985), teks ucapan Sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin III (Choong, 2002), teks ucapan Dr. Sun Yat Sen (Ming-Hua, 1990), teks ucapan John F. Kennedy (Crew, 1980) dan teks ucapan Mohandas K. Gandhi dan Mohamad Ali Jinnah (Merriam, 1972). Kajian-kajian ini membantu para penyelidik melihat kekuatan retorik dalam teks ucapan tokoh-tokoh ini yang amat berpengaruh sehingga melancarkan kejayaan tokoh-tokoh ini dalam perjuangan politik masing-masing. Selain itu, penulis juga mendapati bahawa kebanyakan penyelidikan berkenaan retorik dalam wacana pengucapan awam yang disampaikan oleh tokoh terkenal negara yang dilakukan sebelum ini lebih cenderung berpaksikan strategi retorik klasik Aristotle, khususnya penggunaan empat prinsip dalam pengucapan, yakni *inventio*, *dispositio*, *elocution* dan *pronuntiatio*. Abdulrahman (2010), Crew (1980), dan Zulkifli (1985), misalnya menggunakan keempat-empat prinsip Aristotle ini dalam kajian mereka. Merriam (1972), Ming-Hua (1990) dan Abdul Muati (2003) pula berpegang kepada kaedah analisis prinsip klasik retorik pengucapan Aristotle, iaitu prinsip rayuan daripada *inventio* yang terdiri daripada *logos*, *ethos*, dan *pathos* dalam kajian penelitian mereka. Kaedah Aristotle atau Aristotelian menjadi asas kepada kemunculan prinsip retorik moden yang diperkenalkan oleh tokoh retorik moden selepas abad ke-20. Namun begitu, usaha untuk mengkaji retorik dalam wacana pengucapan umum dari perspektif linguistik agak terbatas, khususnya di Malaysia.

Kajian yang memerihalkan retorik dalam wacana pengucapan umum yang disampaikan oleh tokoh tersohor negara dari lensa linguistik, termasuklah kajian Abdulrahman (2010) yang meneliti retorik penulisan teks ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamed dengan menggunakan kaedah analisis wacana Fairclough, dan teori pengucapan Searle. Zoriati (2005) pula membincangkan retorik teks ucapan Haji Abdul Hadi Awang dengan menggunakan kerangka kajian Za'ba, Asmah dan Hunt, manakala Ai-Chat (2001) menggunakan Model Analisis Wacana Grimes



(1975) dalam meninjau retorik yang termuat dalam teks ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamed. Walaupun sudah ada kajian yang meneliti wacana pengucapan umum dari perspektif linguistik, namun jarang ditemukan penyelidikan retorik yang meneliti retorik dalam wacana pengucapan umum dengan memfokuskan kepada jenis retorik dalam wacana penulisan teks ucapan. Menyedari akan hal ini, makalah ini berhasrat untuk mengenal pasti jenis retorik yang digunakan dalam penulisan teks ucapan Strategi Lautan Biru Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Abdul Razak dengan membandingkan penggunaan jenis retorik penulisan tersebut dengan teks ucapan Strategi Lautan Biru yang disampaikan oleh ahli kabinet terpilih.

### **3.0 ANALISIS JENIS RETORIK**

Makalah ini menggunakan kaedah analisis wacana yang berlandaskan skema retorik penulisan Brooks dan Warren (1979) untuk meneliti teks ucapan Dato' Seri Najib dan dua Menteri kabinet seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Lima jenis retorik penulisan diteliti, iaitu jenis deskriptif, naratif, persuasif, eksposisi dan argumentatif daripada skema retorik penulisan Brooks dan Warren (1979) telah digunakan untuk tujuan analisis retorik.

Umumnya, retorik jenis deskriptif merujuk teknik penggunaan bahasa yang bertujuan menjelaskan maklumat yang bersifat informatif, menerangkan atau memerihalkan sesuatu perkara melalui pengamatan atau pemerhatian dengan disertakan contoh yang jelas, tanggapan yang khusus berkenaan sesuatu peristiwa (Abdul Rani, Bustanul, & Martutik, 2006; Donald, Morrow; Sobariah, 2008; Wargets & Werner, 1989; Roy & Roy, 1989). Retorik jenis eksposisi pula bermaksud jenis penulisan yang bertujuan menyampaikan idea atau pandangan berkenaan sesuatu perkara, memberikan definisi, menerangkan konsep, menginterpretasikan, menganalisis atau menghuraikan sesuatu peristiwa atau perkara tertentu dan penghuraian tersebut bertujuan untuk memperluas pengetahuan pembaca (Abd Aziz, 2000; Kamarudin & Siti Hajar, 1997; Naffi, 2006; Nurudin, 2007; Warren & Brooks, 1979). Retorik jenis persuasif pula bermatlamat untuk mempengaruhi sikap dan pendapat khalayak dengan menggunakan pendekatan emosi yang bertujuan mendorong khalayak untuk melakukan sesuatu atau bertindak seperti yang diharapkan penulis. Jenis retorik ini akan mengusulkan tindakan atau langkah yang harus dilakukan oleh pembaca dengan jelas, bersifat khusus dan mudah difahami (Keraf, 2001). Sementara retorik jenis naratif bererti penggunaan bahasa yang bertujuan menceritakan sesuatu perkara atau peristiwa, penceritaan berkenaan perkara tersebut bersifat hidup sehingga pembaca dapat

menghayati apa-apa yang ingin disampaikan oleh penutur, seolah-olah mereka menyaksikan atau mengalami sendiri perkara tersebut (Abd Aziz, 2000; Nurudin, 2007; Kamarudin & Siti Hajar, 1997). Akhir sekali, retorik jenis argumentatif menekankan usaha penulis untuk membuktikan sesuatu kebenaran (Keraf, 2001), mempengaruhi sikap dan pendapat pembaca (Ming & Ching, 2009), mendapatkan persetujuan pembaca berkenaan sesuatu perkara melalui kaedah yang wajar dan beretika (Mayberry, 2002) serta mempengaruhi pembaca untuk melihat dari sudut pandangan penulis (Lannon, 2004; Richardson, 2007).

Kajian ini meneliti data yang terdiri daripada tiga sampel teks ucapan bertulis Strategi Lautan Biru yang disampaikan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dan dua Menteri Kabinet terpilih, iaitu Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berbahagia Dato' Seri Chor Chee Heung. Sampel teks ucapan tersebut dicerakinkan mengikut perenggan demi perenggan dan ayat yang relevan daripada perenggan tersebut dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel bagi menyokong dapatan analisis kajian. Teks ucapan Strategi Lautan Biru yang disampaikan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak adalah bersempena dengan Majlis Pelancaran *Rural Transformation Center* (RTC), Gopeng, Perak pada 18 Febuari, 2012. Manakala teks ucapan Strategi Lautan Biru yang disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa ketika Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam, di Teluk Intan, Perak pada 12 September, 2013. Teks ucapan Strategi Lautan Biru oleh Dato' Seri Chor Chee Heung pula disampaikan dalam Majlis Pelancaran Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (NBOS 7): *Kejiranan Indah (My beautiful Neighbourhood)* pada 24 Mac 2013 bertempat di Kilang Lama, Kulim, Kedah

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Penelitian awal mendapati tiga jenis retorik digunakan dalam ketiga-tiga penulisan teks ucapan Strategi Lautan Biru yang diteliti. Berikut disertakan Jadual 1 yang memaparkan hasil analisis jenis retorik penulisan teks ucapan Strategi Lautan Biru.

Jadual 1

*Jenis retorik penulisan teks ucapan Strategi Lautan Biru*

<b>Teks</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Jenis Retorik</b>
-------------	-----------------	----------------------

T 1	Ucapan Pembuka	Persuasif
	Pendahuluan	Deskriptif
	Isi Kandungan	Eksposisi, Persuasif,
	Penutup	Deskriptif Persuasif
T 2	Ucapan Pembuka	Persuasif
	Pendahuluan	Persuasif
	Isi Kandungan	Eksposisi, Persuasif
	Penutup	Persuasif
T 3	Ucapan Pembuka	Persuasif
	Pendahuluan	Persuasif
	Isi Kandungan	Eksposisi, Persuasif
	Penutup	Persuasif

Berdasarkan Jadual 1, T1 merujuk teks ucapan yang disampaikan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, T2 merujuk teks ucapan yang disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan T3 adalah teks ucapan yang disampaikan oleh Dato' Seri Chor Chee Heung. Teks ucapan yang disampaikan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak menggunakan tiga jenis retorik, iaitu jenis deskriptif, persuasif dan eksposisi. Sementara teks ucapan yang disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Dato' Seri Chor Chee Heung masing-masing menggunakan dua jenis retorik, iaitu jenis eksposisi dan persuasif.

Selain itu, penulis juga mendapati jenis retorik yang paling ketara diterapkan dalam ketiga-tiga teks ucapan tersebut ialah jenis retorik persuasif. Jenis retorik persuasif ini diterapkan secara keseluruhannya pada bahagian penulisan pembuka ucapan, pendahuluan dan bahagian penutup. Selain retorik jenis persuasif, retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif turut diupayakan pada bahagian isi kandungan penulisan teks ucapan yang diteliti. Retorik jenis naratif dan jenis argumentatif, walau bagaimanapun tidak digunakan dalam penulisan teks ucapan yang diteliti. Perbincangan selanjutnya berkenaan setiap jenis retorik adalah seperti berikut:

#### 4.1 Retorik Jenis Persuasif

Retorik jenis persuasif dalam penulisan teks ucapan yang dikaji menggunakan pendekatan kaedah emosi, unsur pengaruh, unsur etika dan tindakan. Keempat-empat pendekatan ini digunakan dalam penulisan pada bahagian pembuka ucapan dan isi kandungan teks ucapan. Kaedah emosi digunakan secara ketara pada bahagian pembuka teks ucapan bertujuan meraih keperluan, keinginan dan kepentingan khalayak (Ulloth & Alderfer, 1998). Dalam penulisan teks ucapan ini, penggunaan kaedah emosi ternyata dapat mempengaruhi emosi khalayak pendengar serta dapat memuhibahkan suasana perhimpunan supaya khalayak pendengar merasakan kehadiran mereka penting dan diperlukan. Penggunaan retorik jenis persuasif yang menggunakan kaedah emosi dapat dilihat melalui ayat yang ditandai dengan ungkapan sopan dan ungkapan pengaruh yang berunsur emosi. Antara contoh penggunaan ayat yang mengandungi petanda retorik persuasif ungkapan kesopanan, termasuklah “Yang dihormati”, “Yang Mulia”, “Yang Berbahagia”, “Yang diraikan” dan “hadirin yang saya hormati”. Manakala contoh ungkapan petanda retorik persuasif unsur pengaruh, etika dan ungkapan yang mendorong kepada tindakan adalah seperti “merakamkan penghargaan dan terima kasih”, “mengucapkan setinggi-tinggi tahniah” “marilah sama-sama mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur” dan “marilah kita menghadiahkan”. Contoh ayat adalah seperti di bawah:

#### Jadual 2

##### *Penggunaan Retorik Jenis Persuasif*

---

#### 1. T2 (P1) b1 hingga b8

Bismillahir                      Rahmanir                      Rahim.  
Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
1Malaysia. **YBhg.** Tan Sri Mohamad Zabidi  
Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;  
**YBhg.** Datuk Wira Omar Kaseh, Ketua  
Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);

---

---

**YB** Dato' Abdul Puhat Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; **Yang Berbahagia** Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, **Yang Berhormat** Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan; Pegawai-pegawai Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Perak; **Yang diraikan** barisan pemenang Anugerah Inovasi Sektor Awam; **Yang Berbahagia** Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan **yang saya hormati** sekalian.

2. T1 (P1, P2, P4) b1-b2, b4

Terlebih dahulu, **marilah sama-sama mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur** ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua **kita dapat bertemu** dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPa) kali ketiga belas pada pagi ini.

Seterusnya **ucapan penghargaan dan terima kasih** ditujukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atas penganjuran Majlis Perdana Perkhidmatan Awam atau MAPPa dalam agenda utama tahunan untuk saya menyampaikan amanat dan hala tuju kepada semua penjawat awam...

Pertama-tamanya jua, **marilah kita yang**

---

---

3. T3 (P1) b1-b2

**beragama Islam menghadiahkan** Ummul Kitab dan **bagi yang bukan beragama Islam untuk bertafakur seketika**, demi mengenang para pahlawan negara yang telah pergi mempertahankan kedaulatan, keselamatan, dan keutuhan negara tercinta di bumi Sabah baru-baru ini.

Pada pagi yang berbahagia ini, **saya merasa amat berbesar hati dan gembira sekali** kerana dapat bertemu dan berkenalan dengan hadirin sekalian terutamanya penduduk-penduduk di rumah pangsa Kilang Lama, Kulim.

---

Pada bahagian penutup teks ucapan, didapati jenis retorik persuasif yang menggunakan pendekatan kaedah emosi, kaedah pengukuhan dan kaedah tindakan digunakan dalam penulisan. Kaedah pengukuhan ialah kaedah penggunaan bahasa yang bertujuan untuk mengutarakan cadangan dengan apa yang sudah dipercayai oleh khalayak serta mengukuhkan apa yang sedia ada dalam fikiran khalayak. Manakala kaedah tindakan ialah kaedah penggunaan bahasa pemujukan yang menunjukkan kepentingan terhadap sesuatu perkara sehingga mendorong kepada tindakan segera khalayak pendengar (Lee, 2001). Penggunaan ketiga-tiga kaedah jenis retorik persuasif pada bahagian penutup teks ucapan ini dilihat berupaya mempengaruhi khalayak pendengar serta mendorong kepada tindakan khalayak pendengar. Contoh penggunaan jenis retorik persuasif dalam penulisan bahagian penutup teks ucapan yang dikaji adalah seperti berikut:

Jadual 3

*Penggunaan Retorik Jenis Persuasif dalam penulisan penutup*

---

T1 (P62) b4

Tidak lama lagi sebagai rakyat Malaysia yang telah berdaftar, **kita akan diminta** menunaikan amanah sebagai warganegara bagi memilih Kerajaan yang diinginkan. Para penjawat awam sebagai warganegara Malaysia juga bebas memilih namun **saya ingin menyeru** kepada para penjawat awam khususnya dan rakyat Malaysia amnya agar menggunakan kuasa ini dengan sebijak mungkin.

T2 (P19) b1

Sekali lagi, saya ingin **merakamkan ucapan ribuan terima kasih** dan sekalung tahniah kepada MAMPU dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak di atas kerjasama yang erat lagi membanggakan dalam menjayakan Majlis ini. Tahniah dan syabas jua kepada agensi-agensi yang bakal dinobatkan sebagai penerima anugerah yang berprestij ini. Semoga dengan kejayaan yang dikecapi oleh penerima anugerah kali ini **akan dapat dicontohi** oleh semua agensi kerajaan dalam usaha merencanakan lagi pembudayaan inovasi di agensi masing-masing.

T3 (P11) b1

Akhir sekali, **terima kasih saya ucapkan** kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi menghadiri majlis pelancaran ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pelancaran ini.

---

## 4.2 Retorik Jenis Eksposisi dan Jenis Deskriptif

Selain retorik jenis persuasif, retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif turut diterapkan dalam penulisan teks ucapan yang diteliti. Retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif digunakan pada bahagian penulisan isi kandungan teks ucapan. Daripada penelitian, didapati penulisan isi kandungan T1 menggunakan retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif, manakala penulisan isi kandungan T2 dan T3 menggunakan retorik jenis eksposisi. Dapat dikatakan bahawa retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif yang diterapkan pada bahagian penulisan isi kandungan teks ucapan yang dikaji berupaya untuk menjelaskan dan memaparkan maklumat berkenaan pelaksanaan Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan oleh kerajaan serta kejayaan yang dicapai hasil daripada pelaksanaan strategi lautan biru tersebut.

Selain itu, hasil penelitian terhadap penggunaan retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif pada bahagian penulisan isi kandungan teks ucapan menunjukkan bahawa penggunaan jenis retorik tersebut akan diakhiri atau disokong dengan retorik jenis persuasif. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif yang digunakan dalam penulisan isi kandungan teks ucapan ini dapat memberi kefahaman kepada khalayak pendengar berkenaan Strategi Lautan Biru. Sementara penerapan retorik jenis persuasif dalam merumuskan maklumat yang dipaparkan menggunakan jenis eksposisi dan jenis deskriptif dilihat dapat mempengaruhi khalayak pendengar, mengukuhkan kepercayaan terhadap pengucapan tersebut serta meningkatkan kredibiliti pengucap. Antara contoh penggunaan retorik jenis eksposisi dan jenis deskriptif yang diteliti adalah seperti berikut:

Jadual 4

*Penggunaan Retorik Jenis Eksposisi dan Jenis Deskriptif*

---

T1 (P16-17)

Selanjutnya, berpayungkan falsafah pemandu 1Malaysia, Rakyat Didahulukan; Pencapaian diutamakan, program dan sasaran ETP, GTP, PTP dan PTS ternyata telah memberikan impak yang sangat positif kepada rakyat seluruhnya. Kekuatan usaha kolektif kerajaan,

---



---

pentadbiran awam, pihak swasta dan rakyat ini telah membolehkan kita secara tali - temali melawan arus kemerosotan ekonomi global dengan pertumbuhan ekonomi yang rancak berkembang secara purata pada kadar lebih 5% sejak tahun 2010...Sesungguhnya penjawat awam yang menyumbang secara besar kepada kejayaan penggubalan sebarang dasar oleh anggota pentadbiran. Begitu juga dalam memastikan kejayaan pelaksanaan setiap inisiatif yang dicetuskan. Untuk pengorbanan serta profesionalisme mereka yang tidak mengenal penat lelah mahupun kepentingan peribadi ini, saya bagi pihak Jemaah Menteri, anggota pentadbiran yang lain serta rakyat Malaysia ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih.

T2 (P12, P13)

Laporan *Global Competitiveness Report 2013-2014* yang dikeluarkan minggu lepas pula telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-24 paling berdaya saing di kalangan 148 negara; naik satu kedudukan dari tahun sebelumnya. Laporan-laporan ini seharusnya menguatkan lagi tekad dan semangat kita semua untuk berusaha menjadi lebih berinovasi dalam mempertingkatkan kedudukan dan imej kita di persada antarabangsa. Kita juga perlu menanamkan semangat berinovasi yang tinggi dan melebarkan sayap dengan menyediakan

---

---

pelbagai program dan platform yang kreatif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, demi kebaikan masyarakat dan negara.

T3 (P2, P3, P7)

Program *My Beautiful Neighbourhood* ini adalah bertujuan untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan awam terutamanya seperti kemudahan infrastruktur dan alam persekitaran yang tidak terurus dan kotor yang telah membangkitkan rasa terbiar, hilang harapan dan kepercayaan di kalangan rakyat, dengan ini menjejaskan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh.

Intipati Strategi Lautan Biru Kebangsaan adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek kerjasama di antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta.

Projek-projek ini perlulah dilaksanakan dengan kadar segera iaitu dalam tempoh masa 2 hingga 3 bulan, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat jelata dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum...Selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, pandangan dan hasrat penghuni-penghuni di sini akan

---

---

didengari, diambil kira, dimasukkan dalam skop kerja penambahbaikan yang perlu dilaksanakan untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi

---

## **5.0 KESIMPULAN**

Wacana penulisan pengucapan umum yang kukuh akan terhasil daripada pemahaman berkenaan retorik dan kecekapan menerapkan jenis retorik yang sesuai dalam penulisan teks ucapan tersebut. Hasil penyelidikan memperlihatkan bahawa dalam konteks penulisan teks ucapan yang menekankan kepada penyampaian mesej yang jelas dan berkesan serta bermatlamat untuk mempengaruhi khalayak pendengar, penggunaan jenis retorik persuasif, eksposisi dan deskriptif didapati menepati maksud dan tujuan penulisan teks ucapan tersebut.

Penggunaan retorik jenis persuasif yang ketara dalam penulisan teks ucapan adalah wajar kerana retorik jenis persuasif bermatlamat untuk memujuk khalayak pendengar melakukan sesuatu tindakan seperti diharapkan oleh penutur. Walau bagaimanapun, selain retorik jenis persuasif, deskriptif dan eksposisi, retorik jenis argumentatif dan jenis naratif juga boleh dimanfaatkan dalam penulisan teks ucapan untuk menjadikan pengucapan yang disampaikan lebih bersifat informatif dengan disertakan jalinan kronologi peristiwa untuk melengkapi wacana penulisan teks ucapan yang disampaikan. Oleh itu, untuk menghasilkan penulisan teks ucapan yang baik dan berkesan penggunaan kelima-lima jenis retorik tersebut perlu dimanfaatkan supaya terhasil sebuah teks pengucapan umum yang sarat dengan elemen retorik yang terjalin daripada ayat yang dibentuk daripada acuan bahasa yang teratur serta dapat meningkatkan keupayaan teks dan kredibiliti penghujah.

## **RUJUKAN**

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamed*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Rani, Bustanul Arifin, & Martutik. (2006). *Analisis wacana: Sebuah kajian bahasa dalam pemakaian*. Malang: Bayumedia.

- Abdulrahman AlKhirbash. (2010). *Persuasive language in selected speeches of Tun Dr. Mahathir Mohammad*. (Disertasi PhD. yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Abrahamson, E. (1997). The emergence and prevalence of employee management rhetorics: The effects of long waves, labor unions, and turnover, 1875 to 1992. *Academy of Management Journal*, 40, 491-533.
- Adler, R. & Rodman, G. (2000). *Understanding human communication*. (Ed. 7<sup>th</sup>) New York: Hartcourt College Publishers.
- Applebome, P. (2008). Is eloquence overrated? *The New York Times*, p. 43.
- Aristotle. (2013). *Rhetoric*. United States: Start Publishing LLC.
- Asante, M. K. (1969). *Rhetoric of Black revolution*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bitzer, L. (1968). The rhetorical situation. *Philosophy & Rhetoric*, 1, 1-14.
- Brooks C., & Warren R. P. (1979). *Rhetoric Modern* (4<sup>th</sup> Ed.) San Diego: Harcourt Brace Jovanovinch, Publishers.
- Campbell, K. S.; Follender, S. I., & Shane, G. (1998). Preferred strategies for dealing with hostile questions in environmental public meetings. *Management Communication Quarterly*, 11, 401-421.
- Choong, Kee Fong. (2003). *Analisis strategi retorik Sultan Omar Ali Saifuddien III tentang isu perlembagaan negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-1963*. (Disertasi PhD. yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Conger, J. (1991). Inspiring others: The language of leadership. *Academy of Management Executive*, 5, 31-45.
- Cooper, L. (1960). *The rhetoric of Aristotle*. New York: Appleton Century Crofts.
- Cuno, J. (2005). Telling stories: Rhetoric and leadership, a case study. *Leadership*, 1, 205-213.
- Den Hartog, D. N., & Verbarg, R. M. (1997). Charisma and rhetoric: The communicative techniques of international business leaders. *Leadership Quarterly*, 8, 355-391.
- Donald, R. B., Morrow, B. R., Wargets L. G., & Werner K. (1989). *Models for clear writing* (2<sup>nd</sup>). New Jersey: Prentice Hall.
- Emrich, C. G., Brower, H. H., Feldman, J. M., & Garland, H. (2001). Images in words: Presidential rhetoric, charisma and greatness. *Administrative Science Quarterly*, 46, 527-557.
- Enos, T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetorics*. New York: Sage Publication.
- Erez, A., Misangyi, V. F., Johnson, D. E., & LaPine, M. A. (2008). Stirring the hearts of followers: Charismatic leadership as the transferal of affect. *Journal of Applied Psychology*, 93, 602-615.
- Etzioni, A. (1961). *A comparative analysis of complex organizations*. New York: Free Press.
- Hasuer, G. A. (1986). *Introduction to rhetorical theory*. New York: Harper & Row.
- Heracleous, L. (2006). *Discourse, interpretation, organization*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- House, R. J., Spangler, W. D., & Woycke, J. (1991). Personality and charisma in the U. S. Presidency: A psychological theory of leader effectiveness. *Administrative Science Quarterly*, 36, 364 – 396.
- Kamarudin Husin, & Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan kemahiran menulis*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Keraf, G. (2001). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Kim, W. C., & Mauborgene, R. (2005). *Blue Ocean Strategy: How to create uncontested market space and make the competition irrelevant*. Harvard Business School Corporation: Boston

- Lannon, J. M. (2004). *The writing process: A concise rhetoric, reader, and handbook* (8th Ed.). New York: Pearson Education.
- Lee Ai Chat (2001). *Analisis teks ucapan politik bahasa Melayu dari segi retorik: Satu kajian kes terhadap ucapan politik Dr. Mahathir Mohamad*. (Tesis sarjana). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mayberry, K. J. (2002). *Everyday arguments: A guide to writing and reading effective arguments*. New York: Longman.
- McCroskey, J. C. (2006). *An introduction to rhetorical communication*. (9th Ed.) Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Ming-Tzu Liao & Ching-Hung Chen (2009). Rhetorical Strategies in Chinese and English: A Comparison of L1 Composition Textbooks. *Foreign Language Annals*, 42, (4).
- Pondy, L. (1983). The role of metaphors and myths in organization and the facilitation of change. In L. Pondy, P. Frost, G. Morgan, & T. Dandridge (Eds.). *Organizational symbolism* (pp. 157-166). Greenwich, CT: JAI Press.
- Richardson, J. E. (2007). *Analysing Newspapers: An Approach from critical discourse analysis*. Houndmills: Palgrave.
- Roy, E. & Roy., S. (1989). *Prentice Hall Guide to Basic Writing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Severin W. J. & Tankard Jr. James W. (1997). *Communication Theories: Origin. Methods and uses in the mass media*. New York: Longman.
- Shamir, B., Arthur, M. B., & House, R. J. (1994). The rhetoric of charismatic leadership: A theoretical extension, a case study, and implications for research. *Leadership Quarterly*, 5, 25-42.
- Sillince, J. A. A. (2006). Resources and organizational identities: The role of rhetoric in the creation of competitive advantage. *Management Communication Quarterly*, 20, 186 – 212.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Teten, R. L. (2003). Evolution of the modern rhetorical presidency: Presidential presentation and development of the state of the union address. *Presidential Studies Quarterly*, 33, 333-346.
- Ulloth, D. & Richard A. (1998). *Public speaking: An experiential approach*. New York: Wadsworth Publishing Company.
- Weber, M. (1947). *The theory of social and economic organizations*. New York: Free Press.
- Willner, A. R. (1984). *The spellbinders: Charismatic political leadership*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Zaharani Ahmad. (2008). *Aspek nahu praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik pujukan: Kajian kes ceramah Haji Hadi Awang*. (Tesis Sarjana), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A Rhetorical analysis of the selected speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the issues of independences for Malaya, 1951-1957*. (Disertasi PhD. yang diterbitkan) University of Ohio, New York /stable/3588238. Accessed: 14/05/2014 01:10